



**KERTAS UNTUK MAKLUMAN  
MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM**

**LAPORAN STATUS PENGURUSAN REKOD  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**1.0 TUJUAN**

- 1.1 Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Universiti Putra Malaysia (UPM) Kali Ke-30 tentang laporan status pengurusan rekod Universiti Putra Malaysia.

**2.0 OBJEKTIF**

- 2.1 Mengenal pasti konsep dan perundangan pengurusan rekod mengikut Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629);
- 2.2 Melaksanakan urusan sistem fail dengan sistematik mengikut piawaian dan prosedur pengurusan rekod yang ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia;
- 2.3 Mengaplikasikan proses pengurusan rekod dengan betul mengikut standard dan panduan yang dikeluarkan oleh Arkib Negara Malaysia;
- 2.4 Mematuhi dan memakai sepenuhnya Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 Panduan Pengurusan Pejabat.

**3.0 AKTIVITI PENGURUSAN REKOD**

- 3.1 Lawatan

Lawatan penanda aras pengurusan rekod ke Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia pada 9 Jun 2016;

### 3.2 Audit Pengurusan Rekod

- (i) Arkib Negara Malaysia telah melaksanakan Audit Pengurusan Rekod pada 24 dan 25 Ogos 2016. PTJ yang terlibat adalah Pejabat Pendaftar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik dan Fakulti Pengajian Pendidikan;
- (ii) Berikut merupakan keputusan Anugerah Pengurusan Rekod Terbaik Peringkat Universiti Awam 2016 berdasarkan kategori yang berlangsung pada 27 September 2016:
- a) Kategori 5 Bintang
    - 1. Universiti Malaysia Sabah
    - 2. Universiti Teknologi Malaysia
    - 3. Universiti Islam Antarabangsa
  - b) Kategori 4 Bintang
    - 1. Universiti Putra Malaysia
    - 2. Universiti Kebangsaan Malaysia
  - c) Kategori 3 Bintang
    - 1. Universiti Teknikal Malaysia
    - 2. Universiti Malaysia Kelantan
    - 3. Universiti Sains Islam Malaysia
    - 4. Universiti Malaysia Sarawak
    - 5. Universiti Malaysia Pahang
    - 6. Universiti Malaya
    - 7. Universiti Sultan Zainal Abidin
    - 8. Universiti Malaysia Terengganu
    - 9. Universiti Utara Malaysia
    - 10. Universiti Malaysia Perlis
  - d) Kategori 2 Bintang
    - 1. Universiti Pendidikan Sultan Idris

e) Kategori 1 Bintang

1. Universiti Tun Hussein Onn
2. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

(iii) Penilaian Kriteria Pemenang

- a) Program-program pengurusan rekod seperti khidmat nasihat dan latihan pengurusan rekod serta pelupusan rekod di setiap jabatan dan fakulti dilaksanakan secara berkala dan berterusan;
- b) Menggunakan sistem elektronik bagi memudahkan penggunaan klasifikasi fail dan mengelakkan pertindihan nombor rujukan;
- c) Untuk pemantauan pelaksanaan pengurusan rekod, pengauditan pengurusan rekod telah dijadikan agenda tahunan Universiti;
- d) Menjadikan pengurusan rekod sebagai KPI Pelan Eksekutif Pengurusan Universiti selain menjadikan pengurusan rekod sebagai salah satu elemen penting dalam pengurusan kualiti Universiti (MS ISO 9001:2008);
- e) Mewujudkan Seksyen/Unit Pengurusan Rekod secara berpusat; dan
- f) Penggunaan sistem perekodan surat secara elektronik dan menyeluruh telah memudahkan urusan pengedaran dan pengesanan surat keluar dan masuk.

3.3 Kursus Pengurusan Rekod

Kursus Pengurusan Rekod kepada Pegawai Rekod Jabatan PTJ yang telah diadakan pada 20 – 22 September 2016. Hanya 30 PRJ PTJ daripada 53 PRJ yang telah dilantik hadir.

## **4.0 CADANGAN PEMANTAPAN PROGRAM PENGURUSAN REKOD**

- 4.1 Lawatan kerja ke Universiti awam yang mendapat penarafan 5 bintang oleh Arkib Negara Malaysia.Kursus Pengurusan Rekod kepada Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) PTJ akan diadakan pada Mei 2017;

- 4.2 Mengadakan 2 sesi lawatan kerja ke Arkib Negara Malaysia (semua PRJ dan PTRJ);
- 4.3 Mengadakan bengkel bersama PTJ yang masih belum mengguna pakai kod klasifikasi fail yang baharu;
- 4.4 Kursus Pengurusan Rekod yang dijalankan adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 Panduan Pengurusan Pejabat. Walaubagaimanapun, pada pekeliling tersebut di bawah Bahagian VII Pengurusan Fail, Pejabat Pendaftar mengambil maklum mengenai masalah kekangan kewangan yang dihadapi oleh setiap PTJ dan mengesyorkan agar PTJ mempraktiskan aktiviti pengurusan fail yang sedia ada pada masa ini.

## **5.0 SYOR**

- 5.1 Ahli mesyuarat diminta untuk mengambil maklum mengenai aktiviti pengurusan rekod Universiti Putra Malaysia dan melibatkan diri dalam setiap aktiviti yang dicadangkan bagi menambah baik pengurusan rekod sedia ada. Ini adalah sebagai satu pemangkin ke arah tadbir urus rekod yang cemerlang selaras dengan kepentingan rekod sebagai asas integriti dan akauntabiliti. Pengurusan rekod yang baik juga akan menaikkan martabat Universiti selain daripada kecemerlangan dalam aspek akademik.